

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL**  
**[ LIBARAN ]**

**TARIKH : 25 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan dan sumbangan **PETRONAS** bagi jangka sederhana dan panjang berikutan berlakunya kemerosotan harga minyak global yang semakin merudum pada masa ini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Dari sudut operasi syarikat PETRONAS, PETRONAS sentiasa mengamalkan prinsip perbelanjaan yang berhemah sebagai langkah proaktif di dalam menghadapi keadaan pasaran industri minyak dan gas yang tidak menentu dan sentiasa berubah-ubah.

Amalan ini telah mempersiapkan PETRONAS dengan persediaan yang diperlukan di dalam menghadapi kemerosotan harga minyak global semasa yang telah memberi impak kepada syarikat-syarikat minyak dan gas di seluruh dunia.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh PETRONAS adalah seperti berikut:

**a. Dari segi penjimatan kos**

- i. pengurangan perbelanjaan modal (*CAPEX*) sebanyak 10% dan dan operasi (*OPEX*) sebanyak 30%; dan
- ii. penilaian semula pelaburan akan datang dengan memberi keutamaan kepada projek-projek yang lebih kompetitif dan berdaya saing

**b. Dari segi pengeluaran**

- i. mengekalkan tahap pengeluaran sedia ada di mana kadar pengeluaran minyak domestik PETRONAS pada masa ini

adalah sekitar 600 ribu tong sehari (2013 : 576 ribu tong sehari, 2014 : 597 ribu tong sehari)

- ii. menggiatkan usaha-usaha tertentu melalui penerusan amalan pengurusan reservoir yang efisien dan menjalankan kerja-kerja teknikal yang diperlukan bagi mengekalkan tahap pengeluaran yang sama

Dengan mengambilkira usaha-usaha yang sedang dilaksana oleh Kerajaan dan juga PETRONAS, maka dijangkakan negara akan dapat mengharungi fenomena semasa penurunan harga minyak dan akan terus bergerak ke hadapan bagi mencapai status negara maju dan inklusif pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN  
BAHAROM  
[ Kubang Pasu]**

**TARIKH : 25.3.2015 (RABU)**

**SOALAN : 38**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian mempunyai sebarang cadangan dan tindakan bagi meningkatkan aktiviti perniagaan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Napoh, Bukit Kayu Hitam. Nyatakan statistik kehadiran pengunjung dan pendapatan para peniaga di kawasan tersebut.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih atas perhatian Ahli Yang Berhormat mengenai Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kedah di Napoh, Jitra. Bagi tujuan meningkatkan aktiviti perniagaan di RTC, beberapa tindakan sedang dilaksanakan antaranya:

- i. Mewujudkan Bazar RTC Kedah yang beroperasi setiap hari melibatkan 26 peniaga (5pm hingga 1.00am);
- ii. Mewujudkan Pasar Kemboja RTC Kedah yang beroperasi setiap Sabtu dan Ahad melibatkan 60 peniaga (7am hingga 12 tengahari);
- iii. Mewujudkan Pasar Malam RTC Kedah setiap Selasa melibatkan 50 peniaga (5.00pm hingga 12pm); dan
- iv. Menganjurkan Karnival RTC Kedah setiap 3 bulan

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KKLW dengan kerjasama Kementerian Peneraju RTC lain iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kewangan sedang menggerakkan aktiviti ekonomi menerusi jaringan strategik antara 31 Mini RTC seluruh Kedah, RTC di Napoh dan UTC di Alor Setar bagi mengeluarkan, mengumpul serta memasarkan produk pertanian dan produk usahawan luar bandar ke kawasan bandar. Sebanyak 6 *coordination point* (CP) akan dilaksana meliputi pertanian komuniti, e-dagang, pusat pengumpulan, pusat pengedaran, zon pertanian khas serta aktiviti kesukarelawanan. Dalam hubungan ini, RTC akan

berperanan sebagai pusat pengumpulan dan pengedaran produk-produk luar bandar tersebut.

Daripada segi kehadiran pengunjung ke RTC, seramai 252,696 pengunjung direkodkan mengunjungi RTC dalam tempoh bermula Mac 2014 sehingga Januari 2015 manakala nilai jualan yang direkodkan ke atas 44 peniaga di RTC adalah berjumlah RM3.49 juta.